

TARIKH : 22 JULAI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Projek kritikal jana ekonomi, kesejahteraan rakyat diteruskan

# Projek kritikal jana ekonomi, kesejahteraan rakyat diteruskan

### Bajet 2023 beri tumpuan pengurusan subsidi lebih mampan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Projek yang kritikal untuk ekonomi dan rakyat akan diteruskan walaupun kerajaan mengeluarkan pekeliling kepada semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan badan berkanun Persekutuan untuk melaksanakan langkah penjimatan dalaman.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, berkata kerajaan akan terus mendahulukan program kebajikan rakyat dan penjaan aktiviti ekonomi.

Katanya, semua kementerian dan agensi kerajaan masih dalam proses mengenal pasti penjimatan selaras dengan Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam yang dikeluarkan, Rabu minggu lalu.

"Jika sesuatu projek ditangguhkan pelaksanaan, namun kerja awalan termasuk penyediaan reka bentuk, pengambilalihan tanah dan perancangan perolehan masih akan diteruskan," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Tengku Zafrul menjawab pertanyaan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (WARISAN-Semporna) mengenai senarai projek yang ditangguhkan atau dibatalkan dan jumlah yang disalurkan bagi memberi subsidi kepada golongan sasaran.

#### Susun semula program

Menurut pekeliling itu, semua kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun persekutuan dan syarikat terhad dengan jaminan (CLBG) diarah melaksanakan langkah penjimatan dalaman de-

ngan mengoptimalkan perbelanjaan, bagi membolehkan penjimatan itu disalurkan untuk kesejahteraan rakyat, selain menyusun semula program/aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan.

Langkah penjimatan sektor awam itu bakal menyaksikan penurunan dalam perbelanjaan mengurus, sekurang-kurangnya lima peratus daripada baki peruntukan mengurus 2022.

Penjimatan itu adalah bagi membolehkan kerajaan membiayai sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi yang

dijangka mencecah RM77.7 bilion tahun ini.

Susulan pekeliling itu, pelbagai pihak melahirkan kebimbangan langkah penjimatan kerajaan itu akan menjejaskan usaha pemulihan ekonomi yang baru mula pulih selepas lebih dua tahun merudum akibat pandemik COVID-19.

#### Tumpu pengurusan subsidi

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, Bajet 2023 akan memberi tumpuan kepada pengurusan subsidi yang lebih mampan, usaha pembaharuan ekonomi selain

memperkuatkan daya tahan negara terhadap sebarang kejutan pada masa depan disebabkan ketidaktentuan geopolitik dan perubahan iklim serius.

"Usaha pembaharuan ekonomi akan diutamakan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan serta meningkatkan daya saing perniagaan dan rantaian nilai.

"Dengan tekanan inflasi yang kian meruncing terutamanya bagi harga komoditi dan makanan, maka cabaran ini juga memerlukan pengurusan subsidi yang lebih mampan.

"Selain bagi memperkuatkan daya tahan negara terhadap kejutan masa hadapan serta melaksanakan konsolidasi fiskal kerajaan," katanya menjawab soalan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim-Bandar Bharu,) yang meminta kerajaan menyatakan dasar, strategi dan pendekatan dalam Bajet 2023.

Beliau berkata, Bajet 2023 juga akan terus menumpukan kepada agenda kesejahteraan rakyat terutamanya dalam aspek pendapatan dan perlindungan sosial.

**Jika sesuatu projek ditangguhkan pelaksanaan, namun kerja awalan termasuk penyediaan reka bentuk, pengambilalihan tanah dan perancangan perolehan masih akan diteruskan**

Tengku Zafrul Abdul Aziz,  
Menteri Kewangan

